

31/12/2000

Umno tiada masalah bincang perpaduan

Ahmad Naim Tahir

MUAR: Umno akan bertindak secepat mungkin mengajak parti pembangkang Pas dan Keadilan agar duduk semeja membincangkan soal menyatupadukan semula orang Melayu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Umno tidak mempunyai masalah untuk memulakan usaha itu memandangkan soal perpaduan Melayu amat penting dan perlu segera ditangani.

Abdullah, yang juga Timbalan Presiden Umno berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dalam akhbar, semalam.

Fadzil dilaporkan berkata, Pas sedia bekerjasama dengan Umno untuk membincangkan soal perpaduan Melayu asalkan Umno mengorak langkah mengajak parti pembangkang Melayu duduk semeja membincangkannya.

"Kalaulah begitu kehendak pemimpin Pas, kita tidak ada masalah. Insyallah kita akan mulakan secepat mungkin," kata Abdullah kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman di Sungai Mati, dekat sini, semalam.

Sebelum ini, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan kesediaan parti itu memulakan daya usaha perbincangan dengan Pas dan Keadilan berhubung perpaduan orang Melayu jika keadaan mengizinkan.

Dalam pada itu, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri, mengingatkan semua pihak supaya tidak lagi memperkatakan isu sensitif yang boleh mencetuskan perbalahan dalam permuafakatan kaum di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, peringatan itu sudah beberapa kali dikeluarkan, tetapi masih ada pihak sengaja mengambil kesempatan untuk terus memperkatakan isu seperti itu.

"Sudah dua kali saya ingatkan supaya perkara ini tidak lagi dicakapkan. Semua orang sudah dengar dan faham. Jadi, tidak perlu ulang lagi sekali," katanya.

Menurutnya, bentuk perpaduan orang Melayu di negara ini yang mahu dilaksanakan parti itu tidak perlu dibincangkan secara terbuka seperti yang diminta pemimpin pembangkang.

Beliau berkata, sebarang cadangan mengenai perkara itu sebaliknya boleh dibentang dan dibincangkan di kalangan pihak yang mengusahakan langkah berkenaan.

"Tidak perlulah bincang perkara ini secara terbuka melalui akhbar," kata yang turut mengulas kenyataan Timbalan Presiden Keadilan, Dr Chandra Muzaffar, yang mahu Umno mengemukakan cadangan sewajarnya bagi menjelaskan bentuk perpaduan yang mahu dilaksanakan.

(END)